



NEGERI JOHOR

# Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF JOHORE GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 40  
No. 13

20hb Jun 1996

TAMBAHAN No. 10  
PERUNDANGAN

22

J. P.U. 46.

## AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976

UNDANG-UNDANG KECIL HAIWAN MERAYAU  
(MAJLIS DAERAH KOTA TINGGI) 1995

Akta 171

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 73 Akta Kerajaan Tempatan 1976, Majlis Daerah Kota Tinggi membuat dan menurut seksyen 103 Akta tersebut, Pihak Berkuasa Negeri mengesahkan undang-undang kecil berikut:

Nama, pemaklaman  
dan mula  
berkuat-  
kuasa.

1. Undang-Undang Kecil ini bolehlah dinamakan **Undang-Undang Kecil Haiwan Merayau (Majlis Daerah Kota Tinggi) 1995** dan hendaklah dipakai hanya bagi kawasan Majlis Daerah Kota Tinggi sahaja dan hendaklah berkuatkuasa pada tarikh ia disiarkan dalam *Warta*.

Tafsiran.

2. Dalam Undang-Undang Kecil ini, melainkan kandungan ayatnya menghendaki makna yang lain:

"haiwan" termasuklah kuda, lembu, sapi, kerbau, kambing, biri-biri, gajah, binatang ternakan yang mana termasuklah ayam itik, ayam turki, angsa dan burung;

"kandang haiwan" ertinya mana-mana bangunan yang digunakan atau dicadangkan untuk digunakan bagi maksud memelihara haiwan;

"Majlis" ertinya Majlis Daerah Kota Tinggi;

"Pegawai" ertinya mana-mana pegawai yang diberikuasa oleh Yang Dipertua;

"pemegang lesen" ertinya seseorang yang diberi lesen di bawah Undang-Undang Kecil ini;

"pemunya" ertinya tuan punya haiwan, orang yang memelihara haiwan atau orang yang menjaga haiwan;

"premis berlesen" ertinya mana-mana premis yang dilesenkan di bawah Undang-Undang Kecil ini dan hendaklah termasuk tanah yang bersangkutan dengannya;

"Yang Dipertua" ertinya Yang Dipertua Majlis Daerah Kota Tinggi dan termasuklah Timbalan Yang Dipertua.

3. (1) Tiada tempat di dalam kawasan Majlis boleh digunakan oleh mana-mana orang bagi maksud memelihara haiwan tanpa suatu lesen yang dikeluarkan oleh Yang Dipertua di bawah Undang-Undang Kecil ini.

Lesen memelihara haiwan.

(2) Yang Dipertua boleh melesenkan mana-mana tempat di dalam kawasan Majlis bagi maksud memelihara haiwan dan lesen ini hendaklah tertakluk kepada syarat-syarat yang boleh ditetapkan atau dikenakan di dalamnya. Borang lesen adalah seperti Borang 2 Jadual Pertama.

(3) Tiap-tiap pemegang lesen hendaklah sentiasa mempamerkan lesennya pada setiap masa di suatu tempat yang mudah dilihat di premis yang dilesenkan itu yang mana hendaklah bebas dimasuki oleh mana-mana pegawai Majlis pada bila-bila masa untuk diperiksa. Sesiapa yang tidak mematuhi peruntukan ini tanpa sebab yang munasabah boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima ratus ringgit.

(4) Tiap-tiap permohonan bagi sesuatu lesen untuk menggunakan mana-mana tempat sebagai suatu kandang haiwan hendaklah dibuat dalam Borang 1 Jadual Pertama dan hendaklah menyatakan bilangan haiwan yang hendak dipelihara di dalamnya dan hendaklah juga disertakan dengan suatu pelan yang menunjukkan tapak binaan dan keluasan tanah yang bersangkutan dengannya.

(5) Tiap-tiap lesen yang dikeluarkan di bawah Undang-Undang Kecil ini hendaklah menyatakan nama pemegang lesen, letaknya premis, alamat pos dan bilangan haiwan yang dibenarkan dipelihara di dalam premis itu.

(6) Yang Dipertua boleh dalam mana-mana kes jika berlaku apa-apa pelanggaran terhadap Undang-Undang Kecil ini atau syarat-syarat yang ditetapkan atau dikenakan ke atas sesuatu lesen, membatalkan atau menggantung lesen itu selama tempoh mengikut budi bicara yang difikirkannya patut.

(7) Tiap-tiap lesen hendaklah tamat tempohnya pada 31hb Disember, pada tahun lesen itu dikeluarkan.

(8) Yang Dipertua boleh menurut budi bicaranya enggan memberi atau membaharui, membatalkan, memotong atau menggantung sesuatu lesen, meminda atau mengubah tempoh had dan syarat-syarat lesen tanpa memberi apa-apa sebab.

Bayaran lesen.

4. Bayaran-bayaran bagi sesuatu lesen diberi di bawah peruntukan perenggan (5) Undang-Undang Kecil 3 hendaklah menurut kadar-kadar yang dinyatakan dalam Jadual Kedua dengan syarat bahawa—

- (a) bayaran-bayaran yang kena dibayar bagi sesuatu lesen yang dikeluarkan selepas 30hb Jun dalam mana-mana tahun hendaklah separuh daripada kadar yang dinyatakan dalam Jadual tersebut; dan
- (b) bayaran-bayaran yang dibayar bagi sesuatu lesen tidak boleh dibayar balik apabila sesuatu lesen itu dibatalkan atau digantung.

Permit untuk memindah atau mengangkut haiwan.

5. (1) Tiada haiwan boleh dipindah atau diangkut ke dalam atau di dalam kawasan Majlis tanpa suatu permit seperti dalam Borang 3 Jadual Pertama yang dikeluarkan bagi maksud itu oleh Yang Dipertua:

Dengan syarat bahawa undang-undang kecil ini tidaklah dipakai bagi haiwan dalam pemindahan.

(2) Sesuatu permit yang dikeluarkan dikenakan bayaran sebanyak sepuluh ringgit.

(3) Pemunya atau orang yang menjaga mana-mana haiwan yang melanggar peruntukan perenggan (1) adalah bersalah atas suatu kesalahan di bawah Undang-Undang Kecil ini.

(4) Mana-mana haiwan yang dipindah atau diangkut di dalam kawasan Majlis tanpa suatu permit sedemikian boleh dengan serta merta disita oleh Yang Dipertua dan dibawa ke rumah sembelih Majlis atau "paun" untuk disembelih atau dilupuskan mengikut cara sebagaimana yang ditentukan oleh Yang Dipertua.

(5) Bangkai mana-mana haiwan yang disembelih di bawah peruntukan perenggan (4) hendaklah dilupuskan mengikut cara yang ditentukan oleh Yang Dipertua dan hasil daripadanya hendaklah disimpan oleh Majlis sementara mendapat keputusan mengenai pelupusan di bawah perenggan (6).

(6) Sekiranya sesuatu sabitan direkodkan di bawah peruntukan perenggan (3) maka hasil sepertimana yang disebutkan di perenggan (5) hendaklah dirampas menjadi hak Majlis tetapi jika sebaliknya hasil sedemikian hendaklah dibayar balik kepada pemunya atau kepada mana-mana orang lain seperti yang diperintahkan oleh mahkamah.

Haiwan yang merayau

6. (1) Mana-mana haiwan yang didapati pada bila-bila masa merayau-rayau atau berkeliaran di mana-mana dalam kawasan Majlis dan di luar daripada premis berlesen, pemunya haiwan tersebut adalah melakukan satu kesalahan di bawah Undang-Undang Kecil ini.

(2) Yang Dipertua atau mana-mana pegawai boleh mensita atau menembak haiwan yang menjadi hal perkara kesalahan di bawah peruntukan perenggan (1) dan hendaklah dengan serta merta di bawa ke rumah sembelih Majlis atau "paun" untuk disembelih atau dilupuskan mengikut cara sebagaimana yang ditentukan oleh Yang Dipertua.

(3) Mana-mana haiwan yang telah disita dan ditahan, jika tidak dituntut dalam masa tujuh hari, boleh disembelih atau dilupuskan dengan cara sebagaimana yang ditentukan oleh Yang Dipertua.

(4) Tiada apa-apa pampasan kena dibayar bagi mana-mana haiwan yang disembelih atau ditembak atau dilupuskan di bawah undang-undang kecil ini.

7. Yang Dipertua atau mana-mana pegawai boleh menawarkan atau membenarkan untuk mengkompaun mana-mana kesalahan di bawah Undang-Undang Kecil ini dengan sejumlah wang tidak melebihi dua ratus lima puluh ringgit dengan memberi notis seperti dalam Borang 4 Jadual Pertama:

Kerajaan  
Menteri-Menteri

Dengan syarat mana-mana haiwan yang disita dan ditahan boleh didapatkan balik oleh pemunya dengan membayar suatu bayaran tidak kurang daripada tiga puluh ringgit seekor dan bagi tiap-tiap hari selepas itu bayaran tambahan sebanyak sepuluh ringgit bagi seekor haiwan:

Dan dengan syarat selanjutnya bahawa jika haiwan yang sama juga disita dan ditahan berikutnya maka bayaran yang dikenakan dinaikkan kepada lima puluh ringgit bagi seekor haiwan tertakluk kepada bayaran maksimum sebanyak lima ratus ringgit.

8. (1) Yang Dipertua atau mana-mana pegawai hendaklah pada setiap masa yang patut bebas masuk ke tiap-tiap bahagian premis berlesen itu bagi maksud pemeriksaan.

Kerajaan  
Menteri-Menteri

(2) Lantai bagi semua premis berlesen hendaklah dilapiskan dengan konkrit atau lain-lain bahan tak telap air yang diluluskan oleh Yang Dipertua dan hendaklah dicuramkan dengan betul ke parit-parit. Parit-parit itu hendaklah dibina menurut kehendak-kehendak dan penentuan yang diluluskan oleh Majlis.

(3) Tingginya sesuatu kandang haiwan hendaklah tidak kurang daripada tiga meter yang diukur daripada lantai ke cucur atap.

(4) Hendaklah ada suatu ruang lapang di sekeliling kandang haiwan itu yang tidak kurang daripada lima meter lebarnya diukur daripada tiang-tiang luar sempadan premis berlesen itu.

(5) Sesuatu kandang haiwan hendaklah dibina sedemikian kepadaanya hingga terdapat ruangan lantai bagi:

(a) tiap-tiap seekor kuda, lembu atau kerbau yang dipelihara di dalamnya tidak kurang daripada tiga meter panjangnya dan satu setengah meter lebarnya; dan

(b) tiap-tiap sepuluh ekor kambing biri-biri atau kambing yang dipelihara di dalamnya tidak kurang daripada empat puluh lapan meter persegi;

dan ruang itu bagi tiap-tiap satunya, tidaklah termasuk ruang yang digunakan untuk menyimpan makanan, tempat palung makanan atau parit tengah atau parit tepi premis berlesen itu.

(6) Permukaan lantai bagi sesuatu kandang haiwan itu hendaklah sekurang-kurangnya satu pertiga meter lebih tinggi daripada paras purata ruangan lapang itu.

(7) Dinding-dinding bagi sesuatu kandang haiwan itu hendaklah licin permukaannya dan penjuru-penjurnya hendaklah dilengkok.

(8) Semua kekotoran cecair daripada kandang haiwan itu hendaklah dimendapkan dalam suatu tangki enapan yang direka bentuk dengan sewajarnya sebelum dilepaskan ke dalam sesuatu saluran air yang diluluskan.

(9) Ganti udara bagi premis berlesen itu hendaklah disediakan sehingga memuaskan hati Yang Dipertua dan hendaklah mempunyai hubungan terus dengan udara luar.

(10) Tanah yang bersungkutan dengan sesuatu kandang haiwan itu hendaklah dilingkari dengan pagar hingga memuaskan hati Yang Dipertua.

(11) Ruangan lapang di sekeliling kandang haiwan itu dan di mana-mana juga premis berlesen itu hendaklah berturap logam atau ditarkan dan diparitkan hingga memuaskan hati Yang Dipertua. Kawasan berturap yang tidak kurang daripada 1/12 daripada kawasan lantai kandang haiwan itu hendaklah diperuntukkan bagi membasuh haiwan yang dipelihara di dalamnya.

(12) Suatu kandang yang berasingan hendaklah disediakan hingga memuaskan hati Yang Dipertua bagi tujuan memerah susu haiwan itu.

(13) Bekalan air yang secukupnya hendaklah disediakan hingga memuaskan hati Yang Dipertua di premis berlesen itu.

(14) Segala sampah sarap dagangan, habuk sapuan dan lain-lain benda merbahaya atau mengganggu hendaklah dibuang daripada premis berlesen itu supaya premis berlesen itu pada setiap masa berada dalam keadaan bersih dan selamat dari segi kesihatan.

(15) Suatu bekas yang sesuai atau bekas-bekas untuk sampah sarap kandang haiwan hendaklah disediakan dalam premis berlesen itu. Bekas atau bekas-bekas itu hendaklah dibuat mengikut cara dan daripada bahan-bahan dan disenggara setiap masa dalam suatu keadaan supaya dapat mencegah isi kandung dari terlepas ke tanah atau ke kawasan sekeliling. Bahagian bawah bekas atau bekas-bekas itu hendaklah sekurang-kurangnya setengah meter lebih tinggi daripada muka tanah yang berdampingan.

(16) Bekas atau bekas-bekas itu hendaklah ditutup dengan baik.

(17) Bekas atau bekas-bekas itu hendaklah mempunyai ruang tidak kurang daripada setengah meter padu bagi seekor haiwan yang dipelihara dalam kandang haiwan itu.

(18) Bekas atau bekas-bekas itu hendaklah mudah dipindahkan dan dilapik hingga memuaskan hati Yang Dipertua dengan keping-keping logam atau lain-lain bahan yang tak telap air.

(19) Tiada sesiapa pun yang mengidap penyakit kulit atau apa-apa penyakit lain yang pada pendapat Yang Dipertua terdapat kemungkinan bahaya jangkitan atau merebak boleh tinggal diambil bekerja atau berada dalam atau di mana-mana premis berlesen itu.

(20) Pemegang lesen hendaklah dengan segera memberitahu Yang Dipertua sekiranya terjadi apa-apa wabak penyakit haiwan yang luarbiasa.

(21) Tiada premis berlesen boleh mempunyai suatu bilik kediaman atau tempat tidur bagi manusia.

(22) Tiada tred, selain daripada memelihara haiwan dan tred yang berkaitan atau berhubung dengan haiwan boleh dijalankan dalam premis berlesen tanpa mendapat kebenaran bertulis daripada Yang Dipertua.

(23) Yang Dipertua boleh pada bila-bila masa mengarahkan supaya:

- (a) mana-mana benda yang dijumpai dalam premis berlesen itu dipindahkan daripada premis itu;
- (b) dinding-dinding, lantai-lantai dan siling premis berlesen itu hendaklah dibersihkan dan dibasuh beberapa kali sebagaimana yang diarahkan;
- (c) semua sampah dalam premis berlesen itu hendaklah dipungut dan dibuang atau dimusnahkan mengikut cara yang diarahkan.

(24) Yang Dipertua boleh, mengikut budi bicaranya yang mutlak mengenyahkan daripada mana-mana kehendak Undang-Undang Kecil ini dan boleh mengenakan syarat-syarat tambahan sebagaimana yang difikirkan patut.

9. Mana-mana orang yang tanpa alasan yang sah menghalang, menahan atau membantu menghalang atau menahan mana-mana pegawai atau mana-mana orang yang membantu pegawai sedemikian dalam menjalankan tugasnya di bawah Undang-Undang Kecil ini adalah melakukan satu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi dua ribu ringgit.

Menghalang pegawai dalam menjalankan tugas.

10. Tiada apa-apa tanggungan boleh dikenakan ke atas Majlis atau mana-mana pegawai kerana apa-apa kerugian atau kerosakan yang berbangkit dari perjalanan kuasa-kuasa yang sah di bawah Undang-Undang Kecil ini dan pegawai itu tidak boleh dikenakan apa-apa

Tiada tanggungan atas pegawai.

jua tindakan, dakwaan, tanggungan atau tuntutan apa jua pun yang berbangkit dari perjalanan kuasa-kuasa itu dengan sahnya.

Penalti.

11. Sesiapa yang bersalah atas mana-mana kesalahan terhadap Undang-Undang Kecil ini yang tiada apa-apa penalti yang diperuntukkan baginya, boleh, apabila disabitkan, didenda tidak lebih daripada dua ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau denda dan penjara itu kedua-duanya sekali.

JADUAL PERTAMA

UNDANG-UNDANG KECIL HAIWAN MERAYAU  
(MAJLIS DAERAH KOTA TINGGI) 1995

BORANG 1

[Undang-Undang Kecil 3(4)]

PERMOHONAN LESEN

Saya dengan ini memohon suatu lesen untuk menggunakan tempat yang dinyatakan di bawah ini sebagai kandang haiwan dan saya sanggup mematuhi syarat-syarat yang dinyatakan dalam Undang-Undang Kecil tersebut atau mana-mana syarat lain yang ditetapkan atau dikenakan oleh Yang Dipertua:

(a) Butir-butir mengenai pemohon:

(i) Nama Penuh:.....  
(dengan huruf besar)

(ii) Alamat Pos:.....

(iii) No. Kad Pengenalan:.....

(iv) Tarikh Lahir:.....

(b) Butir-butir mengenai tanah dan premis yang hendak dilesenkan:

(i) Nama Tuan Tanah:.....

(ii) Alamat: .....

(iii) No. Lot: ..... (iv) Mukim:.....

(v) Bil. Premis:.....

(vi) Letaknya:.....

(c) Butir-butir mengenai haiwan yang hendak dipelihara:

(i) Jenis:.....

(ii) Bilangan:.....

2. Suatu pelan tapak binaan dan tanah bersangkutan dengannya adalah dikembarkan bersama ini.

Tarikh:.....

Tandatangan Pemohon

UNDANG-UNDANG KECIL HAIWAN MERAYAU  
(MAJLIS DAERAH KOTA TINGGI) 1995

BORANG 2

[Undang-Undang Kecil 3(2)]

Bil. Lesen:.....

LESEN MEMELIHARA HAIWAN

Adalah dengan ini dibenarkan bahawa premis yang butir-butir mengenainya seperti berikut, dilesenkan tertakluk kepada syarat-syarat undang-undang kecil tersebut:

- (1) Nama Penuh Pemunya:.....
- (2) Alamat Pos:.....
- (3) No. Kad Pengenalan:.....
- (4) No. Lot:..... (5) Mukim:.....
- (6) Bil. Premis:.....
- (7) Letaknya:.....
- (8) Jenis dan Bilangan Haiwan yang dibenarkan dipelihara:  
.....  
.....  
.....

2. Lesen ini tertakluk kepada syarat-syarat tambahan yang berikut (jika ada):

- (i) .....
- (ii) .....
- (iii) .....

Bayaran RM..... Bil. Resit:.....  
Tarikh dikeluarkan:..... dan lesen ini akan tamat tempohnya pada.....

.....  
*Yang Dipertua,  
Majlis Daerah Kota Tinggi*



UNDANG-UNDANG KECIL HAIWAN MERAYAU  
(MAJLIS DAERAH KOTA TINGGI) 1995

BORANG 3

[Undang-Undang Kecil 5(1)]

Bil. Permit:.....

PERMIT UNTUK MEMINDAH ATAU  
MENGANGKUT HAIWAN

Adalah dengan ini dibenarkan Encik.....  
(dengan huruf besar)

No. Kad Pengenalan.....beralamat di.....  
.....  
(alamat pos)

untuk memindah atau mengangkut haiwan ke dalam atau di dalam  
kawasan Majlis Daerah Kota Tinggi. Butir-butir mengenainya adalah  
seperti berikut:

(a) Cara-cara memindahkan atau mengangkut:.....  
.....No. Kenderaan:.....

(b) Jenis dan bilangan haiwan yang dipindah atau diangkut:  
.....  
.....  
.....

(c) Tempatnya:  
Daripada.....  
ke.....

(d) Tarikh pemindahan atau pengangkutan.....

2. Permit ini adalah sah bagi tarikh yang tersebut di atas sahaja.  
Tarikh dikeluarkan.....

.....  
Yang Dipertua,  
Majlis Daerah Kota Tinggi

UNDANG-UNDANG KECIL HAIWAN MERAYAU  
(MAJLIS DAERAH KOTA TINGGI) 1995

BORANG 4

(Undang-Undang Kecil 7)

TAWARAN MENGKOMPAUN SUATU KESALAHAN

Apabila menjawab sila sebutkan rujukan kami:.....

Tarikh:.....

Tuan/Puan,

Suatu laporan telah dibuat terhadap anda menuduh kesalahan berikut  
di bawah Undang-Undang Kecil Haiwan Merayau (Majlis Daerah  
Kota Tinggi) 1995.

Tarikh.....Masa.....

Tempat.....

Kesalahan.....

(beri kenyataan)

2. Anda adalah dengan ini dimaklumkan bahawa di bawah kuasa-kuasa yang diberikan kepada saya oleh Undang-Undang Kecil tersebut, saya bersedia mengkompaun kesalahan ini sebanyak RM.....(Ringgit Malaysia.....).

Jika tawaran ini diterima bayaran boleh dibuat dengan wang tunai atau kiriman wang atau wang pos ke pejabat tersebut di atas dan suatu resit rasmi akan dikeluarkan.

3. Tawaran mengkompaun ini berkuatkuasa selama.....hari sahaja daripada tarikh pengeluaran notis ini dan jika jawapan tidak diterima dalam tempoh itu tindakan dengan jalan saman akan dimulakan.

.....  
Yang Dipertua atau  
Pegawai Yang Diberikuasa

JADUAL KEDUA  
BAYARAN LESEN  
(Undang-Undang Kecil 4)

Bagi suatu premis berlesen untuk memelihara haiwan:

|                            | RM              |
|----------------------------|-----------------|
| 1. Lembu/kerbau/kuda:      |                 |
| (a) tidak melebihi 5 ekor  | 20.00           |
| (b) 06 - 15 ekor           | 50.00           |
| (c) 16 - 50 ekor           | 70.00 - 100.00  |
| (d) melebihi 50 ekor       | 100.00 - 300.00 |
| 2. Kambing/biri-biri:      |                 |
| (a) tidak melebihi 5 ekor  | 5.00            |
| (b) 06 - 15 ekor           | 12.00           |
| (c) 16 - 50 ekor           | 50.00 - 70.00   |
| (d) melebihi 50 ekor       | 70.00 - 200.00  |
| 3. Binatang-ternakan:      |                 |
| (a) tidak melebihi 30 ekor | Percuma         |
| (b) 31 - 50 ekor           | 3.00            |
| (c) 51 - 100 ekor          | 8.00            |

|                       |                |
|-----------------------|----------------|
| (d) 101 – 500 ekor    | 15.00          |
| (e) melebihi 500 ekor | 20.00 – 200.00 |

Diperbuat pada 14hb Oktober 1995.  
[K.T. 24/69/17 Bhg. 2; PUNJ. 121A (UK) Jld. 3.]

HAI PUNDAN BIN SUTARJO,  
*Yang Dipertua,*  
*Majlis Daerah Kota Tinggi*

Disahkan pada 6hb Februari 1996.  
[JMMK.J. Bil. 23 Bhg. 10.]

ABDUL MALICK BIN AWANG,  
*Jurutulis Majlis Mesyuarat Kerajaan,*  
*Johor*

LOCAL GOVERNMENT ACT 1976  
STRAY ANIMALS (KOTA TINGGI DISTRICT COUNCIL)  
BY-LAWS 1995

Act 171  
IN exercise of the powers conferred by section 73 of the Local Government Act 1976, the Kota Tinggi District Council makes and pursuant to section 103 of the said Act, the State Authority confirms the following by-laws:

Custom application and enforcement

1. These By-laws may be cited as the **Stray Animals (Kota Tinggi District Council) By-laws 1995** shall apply only to the Kota Tinggi District Council area and shall come into force on the date of its publication in the *Gazette*.

Interpretation

2. In these By-laws, unless the context otherwise requires—

“animals” includes horses, cows, oxen, buffaloes, goats, sheep, elephants and poultry which includes chicken, ducks, turkeys, geese and birds;

“animal-shed” means any building use or intended to be used for keeping animals;

“Council” means the Kota Tinggi District Council;

“licensed premises” means any premises licensed under these By-laws and shall include the land appurtenant thereto;

“licensee” means any person to whom a licence has been granted under these By-laws;

“officer” means any Council officer authorised by the President;

“owner” means the owner of animals, the person who rears the animals or the person in-charge of animals;

“President” means the President of the Kota Tinggi District Council and includes the Deputy President.

3. (1) No place within the Council area shall be used by any person for the purpose of keeping animal without a licence issued by the President under these By-laws. Licence for keeping animal.

(2) The President may license any place within the Council area for the purpose of keeping animal and such licence shall be subject to such terms and conditions as may be prescribed or imposed therein. The form of licence shall be in Form 2 of the First Schedule.

(3) Every licensee shall keep his licence exhibited at all times in some conspicuous place on his licensed premises which shall be accessible at all times for inspection by a Council officer. Any person failing without reasonable excuse to comply with this provision shall on conviction be liable to a fine not exceeding five hundred ringgit.

(4) Every application for a licence to use any place as an animal-shed shall be made in Form 1 of the First Schedule and shall state the number of animals to be kept therein and shall be accompanied by a plan showing the site and extent of the land appurtenant to such animal-shed.

(5) Every licence issued under these By-laws shall state the name of the licensee, the situation of the premises, the postal address and the number of animal authorised to be kept in such premises.

(6) The President may, in any case where there is a breach of these By-laws of the terms and condition prescribed or imposed on a licence; revoke or suspend of the licence for such period as he may in his discretion thinks fit.

(7) Every licence shall expire on the 31st December of the year of issue.

(8) The President may in his discretion refuse to grant or renew, cancel, revoke or suspend any licence, alter or vary the period, terms and conditions of the licence without assigning any reason therefore.

4. The fee for a licence granted under the provision of paragraph (5) of by-laws 3 shall be in accordance with the rates set out in the Second Schedule provided that— Licence fees.

(a) fees payable for a licence issued after the 30th June in any year shall be half the rate set out in the said Schedule; and

(b) the fees paid for a licence shall not be refunded upon the revocation or suspension of a licence.

5. (1) No animal shall be removed or transported into or within the Council area without a permit as in Form 3 of the First Schedule issued in that behalf by the President. Permit to remove or transport animals.

Provided that this by-law shall not apply to animals in transit.

(2) A permit may be issued with ten ringgit fees.

(3) The owner or the person who is in charge of any animal who contravenes the provision of paragraph (1) shall be guilty of an offence under these By-laws.

(4) Any animals removed or transported within the Council area without such permit may forthwith be seized by the President and taken to a Council slaughter-house or pound to be slaughtered or disposed of in such manner as the President may determine.

(5) The carcass of animal slaughtered under the provision of paragraph (4) shall be disposed of in the manner to be determined by the President and the proceeds therefrom shall be held by the Council pending a decision as to their disposal under paragraph (6).

(6) In the event of conviction being recorded under the provision of paragraph (3) the proceeds as mentioned in paragraph (5) shall be forfeited to the Council otherwise such proceeds shall be refunded to the owner or to such other person as the court may order.

Stray  
animals.

6. (1) Any animal at any time found straying into any area within the Council and outside such licensed premises, the owner of such animal shall be guilty of an offence under these By-laws.

(2) The President or any officer may seize or shoot any animal which is the subject matter of an offence under the provision of paragraph (1) and shall forthwith be taken to a Council slaughter-house or the pound to be slaughtered or disposed of in such manner as the President may determine.

(3) Any animal seized or impounded, if not claimed in seven days, may be slaughtered or disposed of in such manner as the President may determine.

(4) No compensation shall be payable for any animal slaughtered or shot or disposed of under this by-law.

Power to  
compound.

7. The President or any other officer may offer or allow to compound offences under these By-laws for a sum not exceeding two hundred and fifty ringgit by giving a notice as in Form 4 of the First Schedule—

Provided that any animals seized and impounded may be recovered by the owner upon payment of a fee of not less than thirty ringgit each and for each day subsequent thereto an additional fee of ten ringgit for each animal;

And provided further that if the same animals are seized and impounded subsequent thereafter the fee payable shall be increased to fifty ringgit each day subsequent thereto for each animal subject to a maximum of five hundred ringgit.

Health and  
cleanliness  
requirements.

8. (1) The President or any officer shall at all reasonable times have free access to every part of the licensed premises for the purpose of inspection.

(2) The floors of all licensed premises shall be laid with concrete or other impervious material approved by the President and shall

be properly graded to the drains. The drains shall be constructed in accordance with the requirements and specification approved by Council.

(3) The height of an animal-shed shall not be less than three metres measured from the floor to the eaves.

(4) There shall be an open space of not less than five metres in width all round the animal-shed which be measured from the external posts of the boundry of the licensed premises.

(5) An animal-shed be constructed as to afford floor space for—

(a) each horse, cow or buffalo kept therein of not less than three metres in length and one and half metres in breadth; and

(b) every ten sheep or goats kept therein of not less than forty eight square metres;

and such space shall not in each case include the space occupied by any food store, manger or central or side drain of the licensed premises.

(6) The floor surface of an animal-shed shall be at least one-third of a metre higher than the mean level of the open space.

(7) The walls of an animal-shed shall have a smooth surface and the corners shall be rounded off.

(8) All liquid wastes from the animal-shed shall be settled in a properly designed sedimentation tank before being discharged into an approved water course.

(9) The ventilation of the licensed premises shall be provided to the satisfaction of the President and shall be by direct communication with the external air.

(10) The land appurtenant to animal-shed shall be surrounded by fence to the satisfaction of the President.

(11) The open space around the animal-shed and elsewhere on such licensed premises shall be paved, metalled or tarmacadamised and drained to the satisfaction of the President. A paved area of not less than 1/12 of the floor area of the animal-shed shall be provided for the washing of the animals kept therein.

(12) A separate shed shall be provided to be satisfaction of the President for the milking of animals.

(13) There shall be adequate water supply to the satisfaction of the President on the licensed premises.

(14) All trade refuse, dust sweeping and other noxious or offensive matter shall be removed from the licensed premises to keep the premises at all times clean and wholesome.

(15) There shall be provided on the licensed premises a suitable receptacle or receptacles for the animal-shed refuse. Such receptacle

or receptacles shall be constructed in such manner and of such materials and maintained at all times in such a condition as to prevent the contents therefrom to escape into the ground or into the surrounding areas. The bottom part of such receptacle or receptacles shall be at least one half of a metre higher than the surface of the adjoining ground.

(16) Such receptacle or receptacles shall be properly covered.

(17) The receptacle or receptacles shall have such space which shall not be less than half a cubic metre for each animal kept in the animal-shed.

(18) The receptacle or receptacles shall be mobile shall be lined, to be satisfaction of the President, with metal plate or other impervious materials.

(19) No person who is suffering from cutaneous disease or any other disease from which in the opinion of the President there is likely to be risk of infection or contagious, shall reside, be employed or be in or upon any licensed premises.

(20) The licensee shall immediately inform the President in the event of any abnormal outbreak of disease on animals.

(21) No licensed premises shall have a living room or sleeping place for human being.

(22) No trade, other than that of keeping animals and trade related to or connected with animals shall be carried on in the licensed premises without the written permission of the President.

(23) The President may at anytime direct that:

- (a) any articles found in the licensed premises to be removed from such premises;
- (b) the walls, floors and ceiling of licensed premises shall be cleaned and washed as often as may be directed;
- (c) all rubbish in the licensed premises be collected and disposed of in such manner as may be directed.

(24) The President may in his absolute discretion waive any of requirements of these By-laws and may impose such other additional conditions as he may consider fit.

Obstructing an officer in the performance duties.

9. Any person who without any lawful excuse obstructs, impedes or assists in obstructing or impeding any officer or any person in the assistance of such officer in the exercise of his duties under these by-laws shall be guilty of an offence and shall upon conviction be liable to a fine not exceeding two thousand ringgit.

Non-liability of officer.

10. No liability shall be attached to the Council or any officer for any loss or damage arising from the lawful exercise of any of the powers under these By-laws and such officer shall not be the subject

to any action, prosecution, liability or claims whatsoever arising from the lawful exercise of such powers.

11. Any person who is guilty of any offence against these By-laws for which no penalty is expressly provided shall on conviction be liable to a fine not exceeding two thousand ringgit or to a term of imprisonment not exceeding one year or to both such fine and imprisonment. <sup>Penalty.</sup>

FIRST SCHEDULE  
STRAY ANIMALS (KOTA TINGGI DISTRICT COUNCIL)  
BY-LAWS 1995  
FORM I  
[By-laws 3(4)]  
APPLICATION FOR A LICENCE

I hereby apply for a licence to use the place mentioned hereunder as an animal-shed and I undertake to comply with the terms and conditions prescribed or imposed by the President.

(a) Particulars of applicant:

(i) Full Name:.....  
(in capital letters)

(ii) Postal Address:.....  
.....

(iii) Identity Card Number:.....

(iv) Date of Birth:.....

(b) Particulars of land and premises where the licence is applied for:

(i) Name of Landowner:.....

(ii) Address:.....  
.....

(iii) Lot No. :..... (iv) Mukim:.....

(v) Premises No.:.....

(vi) Locality:.....

(c) Particulars of animals be kept:

(i) Species:.....

(ii) Number:.....

2. A site plan and land appurtenant thereto is enclosed herewith.

Date:.....

.....  
Signature of Applicant



STRAY ANIMALS (KOTA TINGGI DISTRICT COUNCIL)

By-Laws 1995

FORM 2

[By-laws 3(2)]

Licence No.:.....

LICENCE FOR KEEPING ANIMAL

It is hereby authorised that the premises, particulars of which are as follows, is licensed subject to the terms and conditions of the said by-laws:

(1) Owner's Full Name:.....

(in capital letters)

(2) Postal Address:.....

(3) Identity Card Number:.....

(4) Lot No.:..... (5) Mukim:.....

(6) Premises No.:.....

(7) Locality:.....

(8) Species and number of animal authorised to be kept:

2. This licence is subject to the additional terms and conditions as follows (if any):

(i) .....

(ii) .....

(iii) .....

Fee RM.....Receipt No.:.....

Date issue:.....and this licence will expire on.....

President,

Kota Tinggi District Council

STRAY ANIMALS (KOTA TINGGI DISTRICT COUNCIL)

By-Laws 1995

FORM 3

[By-laws 5(1)]

Permit No.:.....

PERMIT TO REMOVE OR TRANSPORT ANIMALS

Encik.....

(in capital letters)

Identity Card No. ....of.....

(postal address)

is hereby authorised to remove or transport animals into or within the Kota Tinggi District Council, particulars of which are as follows:

- (a) Means of removal or transportation:.....  
.....Transport No.:.....
- (b) Species and Number of animals:  
.....  
.....  
.....
- (c) Place:  
from.....  
.....
- (d) Date of removal or transportation.....

2. This permit is good only for the date above written.  
Date of issue:.....

.....  
*President,*  
*Kota Tinggi District Council*

STRAY ANIMALS (KOTA TINGGI DISTRICT COUNCIL)  
BY-LAWS 1995  
FORM 4  
(By-laws 7)

OFFER TO COMPOUND AN OFFENCE

In reply please quote our reference No.:.....  
Date:.....

Sir/Madam,

A report has been made against you alleging the following offence under the Stray Animals (Kota Tinggi District Council) By-laws 1995.

Date.....Time.....  
Place.....  
Offence.....

*(give details)*

2. You are hereby informed that under the powers vested in me by-law 7 of the said by-laws, I am prepared to compound this offence for the sum of RM.....(Ringgit Malaysia.....).

If this offer is accepted payment should be made by cash or money order or postal order to the office quoted above and an official receipt will be issued.